

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 18 SEPTEMBER 2013 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Bad weather expected along coast of east Malaysia	The Star
2	Hakim Mahkamah Rayuan tarik diri daripada pendengaran rayuan kes liwat kedua	Bernama.com
3	Uncovering native plants	The Star
4	MITI galak penubuhan koperasi untuk bantu usahawan PKS	Bernama.com
5	2 dicari bantu kesan Tailong Man	Berita Harian
6	Penggerak 1CATSTs 'buru' inovasi	Harian Metro

## Bad weather expected along coast of east Malaysia

**PETALING JAYA:** Rough weather will plague east Malaysia's northwestern coastline until Thursday, with the Meteorological Department advising seafarers to take care when going out to sea.

The Meteorological Department reported strong southwesterly winds of 40-50km/h with waves of up to 3.5m currently over waters off Miri, Labuan, Kudat and Sabah's interior and western coast.

"These strong winds and rough seas are dangerous to small ships and boats. Affected parties are advised to be careful and take the necessary safety steps," a spokesman said.

The spokesman said that rain was expected to form along the Limbang, Miri and Bintulu coast in Sarawak, Labuan, Pantai Barat and Kudat coast in Sabah.

It added that the rough weather was caused by a tropical storm occurring in the East Philippines region.

The storm had formed at 17°30' (17.5°) North and 132°40' (132.7°) East at around 11.05am on Monday.

"The weather warning will be in effect until tomorrow," he said.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 18 SEPTEMBER 2013 (RABU)**



## **Hakim Mahkamah Rayuan Tarik Diri Daripada Pendengaran Rayuan Kes Liwat Kedua**

PUTRAJAYA, 17 Sept (Bernama) -- Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Tengku Maimun Tuan Mat Selasa menarik diri daripada barisan tiga anggota panel hakim bagi mendengar rayuan pendakwaan ke atas pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim atas dakwaan meliwat bekas pembantunya.

Datuk Ramly Ali, yang mempengerusikan panel itu, berkata mahkamah akan melantik hakim lain bagi menggantikan Tengku Maimun.

Panel itu, yang termasuk Datuk Mohd Zawawi Salleh, juga membenarkan bantahan awal Anwar atas alasan beliau mendengar saman fitnah Anwar terhadap bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamed pada 2007.

"Kami telah membincangkan isu ini. Kami membenarkan bantahan awal. Tengku Maimun, atas kerelaannya, akan menarik diri," kata Ramly.

Beliau menetapkan esok bagi mendengar permohonan pemimpin pembangkang itu untuk peguam kanan Datuk Seri Muhammad Shafee Abdullah hilang kelayakan daripada menjadi pendakwa raya bagi mengetuai pihak pendakwaan dalam rayuannya terhadap pembebasan Anwar.

Bagaimanapun, Ramly berkata rayuan pihak pendakwaan yang sepatutnya ke atas pembebasan Anwar tidak akan didengar esok tetapi pada masa akan datang oleh panel yang sama.

Pelantikan Muhammad Shafee sebagai pendakwa raya oleh Peguam Negara secara "fiat" bagi mengetuai pihak pendakwaan dalam rayuannya ke atas keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 9 Jan tahun lalu yang melepas dan membebaskan Anwar, 64, daripada pertuduhan meliwat Mohd Saiful Bukhari Azlan, 26.

Anwar dituduh melakukan kesalahan itu di unit kondominium Desa Damansara di Bukit Damansara antara 3.10 petang dan 4.30 petang pada 26 Jun, 2008.

Dalam prosiding hari ini, peguam Anwar, Karpal Singh memohon penarikan diri Tengku Maimun kerana menurutnya dalam penghakimannya dalam saman fitnah itu, menerima pakai daptan fakta yang dibuat Mahkamah Persekutuan dalam kes liwat yang pertama di mana Anwar dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja dituduh meliwat pemandu keluarganya (Anwar) Azizan Abu Bakar.

Dalam kes liwat pertama itu, Mahkamah Persekutuan pada 2 Sept, 2004, dalam keputusan majoriti dua-satu, membebaskan Anwar dan Sukma Darmawan.

Bagaimanapun, terdapat dapatan khusus oleh hakim-hakim dalam penghakiman majoriti yang menyatakan bahawa mahkamah mendapati keterangan bagi mengesahkan perayu (Anwar dan Sukma Darmawan) terbabit dalam kegiatan homoseksual dan bahawa mahkamah lebih cenderung untuk mempercayai bahawa insiden yang dikatakan di Tivoli Villa itu berlaku.

Karpal berhujah kemungkinan berlaku berat sebelah jika Tengku Maimun bersidang dalam panel itu bagi mendengar rayuan pendakwaan kerana beliau berpegang kepada pandangan Mahkamah Persekutuan.

Muhammad Shafee berhujah bahawa Tengku Maimun sepatutnya tidak menarik diri daripada bersidang dalam panel itu.

Katanya kes berkenaan berlaku enam tahun lalu dan membabitkan menolak permohonan itu yang menyebabkan prosiding perkara itu tidak melalui perbicaraan penuh.

Katanya beliau tidak membuat dapatan fakta tetapi hanya menerima pakai dapatan fakta Mahkamah Persekutuan.

Pada 9 Jan tahun lalu, Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah, dalam membebaskan Anwar, memutuskan berlaku penetrasi zakar tetapi tidak disokong bukti lain.

Beliau berkata mahkamah tidak boleh 100 peratus pasti mengenai kewibawaan sampel diambil untuk ujian DNA daripada Mohd Saiful kerana sampel itu mungkin telah diganggu sebelum sampai ke **Jabatan Kimia** untuk dianalisis.

-- BERNAMA

Dateline: Penang

By JOSEPHINE JALLEH  
josephine@thestar.com.my  
Photos by CHAN BOON KAI

**H**AVING a chat with botanical researcher Datuk Seri Lim Chong Keat can be real insightful, especially if it is about native plants.

With more than 30 years of serious pursuit in the field of botany, the Penangite loves to share what he knows about the various flora around us.

"People need to be more aware of the native flora. They must not be ignorant but to be appreciative and proud of them, especially plants that are endemic to Penang."

"For example, did you know that some plants on Penang Hill are only found in Penang?" he said during an interview at his home in Macalister Road in Penang.

Lim, who has discovered new species of palms and gingers nationwide, will be delivering a public talk titled "Challenges for Malaysian Botanical Research and Conservation" tomorrow from 5.30pm to 7pm at Sunway University in Bandar Sunway, Petaling Jaya.

The 83-year-old architect and urban planner hopes that the talk will stimulate interest among people to find out more about native plants on their own.

He said he was concerned over the lack of education on botany in the country.


"The level of ignorance in botanical education is serious and a lot has to be done to improve it."

"I will be sharing positive recommendations on botanical education and also on *in situ* and *ex situ* conservation."

"*In situ* conservation is protecting plants in the wild while for *ex situ* conservation, the plant is collected and brought to the botanic

# Uncovering native plants

Botanical researcher to give a talk in Petaling Jaya tomorrow



gardens to be protected," said Lim, who has discovered and named some 30 new species.

Among them is Areca Tunku, a type of palm named after the country's first prime minister, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

He has intentions to name a plant after his elder brother, the late Penang chief minister Tun Dr Lim Chong Eu, but he said this would be decided after more research was done.

Lim, who began publishing his journal *Folia Malaysiana* since 2000, has travelled throughout Malaysia and to other countries such as

Thailand, Indonesia and India for research and to compare similar species of plants in these countries.

He has also set up a private research garden called 'Suriana Botanic Conservation Gardens' in Balik Pulau.

When asked on how he had started out in botanical research, Lim

simply said: "I did not know enough. I had to repair my ignorance."

He advised those wanting to contribute to flora conservation to take the first step by going into the forest to see and appreciate the plants in the wild.

Lim, who was recently introduced as a fellow at the Academy of

Sciences Malaysia, was chairman of the Malaysian Forestry Research and Development Board (FRIM) from 2001 to 2004.

To register for Lim's talk, visit [sunway.edu.my/tsjc-dss/register](http://sunway.edu.my/tsjc-dss/register) or contact Faslika at 03-7491 8622 ext 8172 or e-mail [pr@sunway.edu.my](mailto:pr@sunway.edu.my). Admission is free.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 18 SEPTEMBER 2013 (RABU)**



## **Miti Galak Penubuhan Koperasi Untuk Bantu Usahawan Pks**

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menggalakkan penubuhan koperasi bagi membantu usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengembangkan perniagaan dan memasarkan produk.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Ir Hamim Samuri berkata dengan tertubuhnya koperasi, usahawan PKS dapat mengeluarkan produk dalam skala yang lebih besar dan dapat meningkatkan daya saing produk tersebut.

"Salah satu kemudahan yang boleh diwujudkan oleh koperasi ialah penubuhan Pusat Pengumpulan, Pengedaran dan Pemasaran.

"Ia akan berfungsi sebagai pusat pengumpulan bahan mentah secara pukal yang akan dijual kepada anggota koperasi serta usahawan PKS lain pada harga yang lebih rendah berbanding harga pasaran," katanya dalam ucapan semasa merasmikan Konvensyen Koperasi Usahawan Groom Big, di sini Selasa.

Konvensyen itu yang berlangsung selama dua hari mulai hari ini, dianjurkan oleh MITI dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Program Groom Big merupakan program pembangunan usahawan yang dilaksanakan untuk meningkatkan status dan kedudukan usahawan dari peringkat mikro sehingga kecil dan sederhana dan seterusnya meneroka pasaran eksport.

Dalam merealisasikan matlamat program Groom Big, MITI tidak hanya melaksanakan program tersebut secara bersendirian, malah mendapat kerjasama dan sokongan dari pelbagai kementerian dan agensi lain, termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan dan swasta.

Sementara itu, Hamim berkata penubuhan koperasi ini juga dapat menyelesaikan isu kekurangan bahan mentah dan menjadikan harga produk usahawan PKS lebih kompetitif.

Bagi meningkatkan daya saing dalam penubuhan koperasi, Hamim berkata koperasi itu sendiri perlu mempergiat aktiviti pengembangan perniagaan secara agresif memandangkan kejayaan aktiviti tersebutlah yang akan menyumbang kepada kejayaan koperasi.

"Faedahnya akan dapat dirasai dan dikongsi bersama ahli," katanya.

Selain itu, Hamim juga menggalakkan usahawan supaya meneroka sektor baharu yang berpotensi dan menjanjikan pendapatan tinggi di samping mempelbagai keupayaan mereka dalam bidang Utama Ekonomi Negara.

"Bidang-bidang ini termasuk sektor pelancongan, pengangkutan dan logistik, perniagaan automotif, elektrik dan elektronik, teknologi maklumat dan industri perkhidmatan.

"Justeru, usahawan dan koperasi haruslah lebih kreatif dan inovatif dalam mengembangkan perniagaan masing-masing," katanya.

Sehingga kini, sembilan Koperasi Groom Big telah ditubuhkan di Negeri Sabah, Sarawak, Kelantan, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Utara (Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis).

Penubuhan koperasi Groom Big ini mendapat kerjasama dan sokongan daripada **SIRIM Bhd** dan SKM yang meliputi bimbingan dalam proses penyediaan pelan perniagaan serta kemudahan bagi mendapatkan sumber kewangan perniagaan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 24  
TARIKH: 18 SEPTEMBER 2013 (RABU)

# 2 dicari bantu kesan Tailong Man



Raja Shahrom menunjukkan **gambar suspek dikehendaki polis** pada sidang media di IPK Polis Bukit Beruang, semalam.

(FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN/BH)

Mereka dicari selepas siasatan awal mendapati wajah mereka yang dimuat naik mengandungi lambang Geng 36"

Raja Shahrom  
Raja Abdullah,  
Ketua Jabatan  
Siasatan Jenayah  
negeri Melaka

**Ayer Keroh:** Polis mencari dua lelaki bagi membantu siasatan kes ugutan balas dendam membabitkan pasukan itu menerusi akaun laman sosial Facebook milik Tailong Man.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner Raja Shahrom Raja Abdullah, berkata dua lelaki terbabit dipercayai dapat membantu mengenal pasti pemilik akaun laman sosial berkenaan.

Katanya, pasukan khas yang ditubuhkan bagi menyia-

sat kes itu akan melakukan siasatan menyeluruh termasuk mengenal pasti sama ada individu bergelar Tailong Man dan dua lelaki terbabit ada kaitan dengan kongsi gelap.

#### Lambang Geng 36

"Mereka berdua dicari selepas siasatan awal mendapati wajah mereka yang dimuat naik mengandungi lambang kumpulan kongsi gelap, Geng 36 dan berkemungkinan mempunyai kaitan dengan pemilik akaun terbabit," katanya pada

sidang media di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Polis Bukit Beruang di sini, semalam.

Semalam, BH melaporkan, polis sedang mengesan seorang pemilik akaun laman sosial Facebook yang menggunakan nama Tailong Man bagi membantu siasatan berhubung ugutan balas dendam dibuatnya terhadap pasukan keselamatan itu.

Mesej berbaur ugutan yang dimuat naik di ruangan status akaun berkenaan pada Jumat lalu, dipercayai dibuat su-

sulan kejayaan polis menembak mati dua ahli kongsi gelap Geng 36 di Cheng, sehari sebelum itu.

Mesej yang ditaip huruf besar dimuat naik Tailong Man menerusi Facebooknya berbunyi: "Ketua Polis Melaka-360// Mau hantam sama lu punya anjing-anjing. Lu jaga sama lu punya anjing-anjing kasi makan cukup-cukup. Wa pancung seekor-sekor lu punya anjing! Lu sudah kasi Siva sama Raja tidur, lu ingat lu sudah bagus? Jaga lu org!"

#### Kerjasama dengan SKMM

Mengulas lanjut, Raja Shahrom berkata, susulan muat naik status berbaur ugutan itu, pihaknya bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Cyber Security bagi mendapatkan maklumat lanjut serta mengesan pemilik akaun Facebook berkenaan.

"Kita juga minta kerjasama orang ramai yang mengenali khususnya rakan Facebook individu ini untuk tampil memberikan maklumat berkaitan.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 507 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan ugutan jenayah," katanya.

Sementara itu, Raja Shahrom berkata, sehingga semalam, pihaknya menahan 100 individu termasuk seorang wanita menerusi Ops Cantas sejak dilancarkan Ogos lalu.

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 33**  
**TARIKH: 18 SEPTEMBER 2013 (RBU)**

## Penggerak 1CATS 'buru' inovasi

**Putrajaya:** Seramai 23 sukarelawan 1CATS atau Innovation Catalysts, Penggerak Inovasi 1 Malaysia akan bertindak sebagai mata dan telinga Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) untuk menjejak dan melaporkan inovasi yang dihasilkan penduduk sekitar Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Ketua Komunikasi Korporat YIM Sharmila Salleh berkata, melalui bantuan sukarelawan 1CATS, YIM menyasarkan untuk mengenal pasti 50 inovasi di tiga kawasan yang dikategorikan sebagai zon tengah itu.

"Program itu adalah kesinambungan daripada program Jejak Inovasi yang dilaksanakan YIM sejak 2011 bagi menjejak dan mendokumentkan hasil inovasi di peringkat akar umbi.

"Sebahagian daripada inovasi itu akan dipamerkan kepada umum Jumaat ini di pejabat YIM, Cyberjaya," katanya di sini.

1CATs untuk mempersasakan golongan belia dalam membudayakan inovasi di peringkat komuniti akar umbi manakala sukarelawan 1CATs akan merancakkan proses Jejak Inovasi.